

Perhimpunan Bulanan JPWPL, Jun 2019 : Contohi Teknik Rasulullah Mengajar



Labuan – Perhimpunan Bulanan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) telah diadakan bertempat di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri pada 13 Jun lalu.

Berucap di majlis tersebut, Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah berkongsi ilmu mengenai buku bertajuk 40 Teknik Rasulullah Mengajar, karangan Sheikh Abdul Al Fatah.

Beliau berkata, mengambil beberapa contoh teknik Rasulullah mengajar, seorang guru perlu menjadi 'role model' kepada murid, mengajar secara beransur-ansur disertai dengan kesabaran dan istiqamah, meraikan kesederhanaan dan mengelakkan kebosanan, meraikan

perbezaan pelajar, berdialog dan sesi soal jawab serta teknik kiasan, perumpamaan.

Turut diadakan penyampaian sijil anugerah kecemerlangan kepada pihak sekolah, *staff of the month* , meraikan kakitangan yang bersara dan sambutan hari lahir kepada kakitangan jabatan serta sekolah yang lahir pada bulan Jun.

Majlis itu telah dihadiri oleh Ketua-ketua Sektor, para pegawai, Pengetua Guru Besar, guru-guru yang diraikan dan kakitangan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan menghargai dan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sekolah Antarabangsa Labuan, Sekolah Kluster Kecemerlangan SK St Anne dan Adiwira Guru Cikgu Angeline Leong dari Sekolah Kebangsaan Kerupang di atas pengiktirafan Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2019, baru-baru ini.